

TLDM harungi geopolitik antarabangsa

ANALISIS



Abdul Muein Abadi

Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Tanggal 27 April 2016 menandakan genapnya 82 tahun angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). TLDM hari ini boleh berbangga dengan reputasinya sebagai angkatan Tentera Laut Lepas bertaraf dunia selepas mengharungi beberapa era mencabar seperti Perang Dunia Kedua, Konfrontasi dan juga Perang Dingin.

Sarjana Ken Booth dalam karya beliau, *Navies and Foreign Policy* mengemuka kerangka segi tiga fungsi angkatan tentera laut yang boleh dianalisis atas perkembangan TLDM. Tiga peranan utama tentera laut dari perspektif hubungan luar boleh dibahagi kepada peranan diplomatik, pemantauan dan ketenteraan. Setiap peranan terdiri daripada beberapa objektif tersendiri. Di bawah peranan diplomatik, objektifnya adalah pengukuhan hubungan, kekuatan perundingan dan prestij.

Di bawah ketenteraan, objektifnya ialah pencegahan dan pertahanan konvensional, pencegahan dan pertahanan lanjutan, order antarabangsa, serta pencegahan nuklear strategik.

Pembinaan negara bangsa dan tanggungjawab pesisir pantai pula adalah dua objektif di bawah peranan pemantauan. Langkah proaktif pendudukan negara di Terumbu Mantanani, Terumbu Ubi, Terumbu Peninjau, Terumbu Siput, serta Pulau Layang-layang di perairan Spratly adalah antara contoh peranan pembinaan negara bangsa yang dipraktikkan. Penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 2005 membolehkan TLDM fokus kepada peranan ketenteraan dan diplomatik.

Peranan ketenteraan dan diplomatik TLDM dilihat relevan disebabkan realiti arus 'samudera geopolitik dunia' semasa. Sebagai sebuah negara relatif kecil di antara Lautan Hindi serta Laut China Selatan, minat serta kepentingan kuasa besar ke atas lokasi strategik Malaysia tidak perlu dihurai panjang lebar. Ini diperkukuhkan dengan fakta peningkatan kelengkapan aset yang dikerah dua pesaing utama dalam percaturan geopolitik dunia masa kini, Amerika Syarikat (AS) dan China, di Laut

China Selatan. Armada Pasifik AS terdiri daripada 41 kapal selam, enam kapal induk pesawat udara, serta 58 kapal pengiring. China pula yang dalam proses mencabar hegemoni AS menuntut hampir keseluruhan Laut China Selatan, termasuk dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

Catur kerjasama ketenteraan, diplomasi

Realiti kebangkitan China ini digambarkan menerusi peningkatan armada lautnya yang diperkasai 65 kapal selam, sebuah kapal in-

duk pesawat udara Liaoning, 76 kapal pengiring, 102 kapal peluru berpandu, 109 kapal peronda tentera laut, dan 582 kapal peronda separa tentera. Namun demikian, Malaysia bijak catur kerjasama ketenteraan dan diplomasi dengan AS dan China. Malaysia memiliki kerjasama tentera laut erat dengan AS seperti Kerjasama Kesediaan dan Latihan (CARAT) serta Eksekais Amfibi Malaysia-AS (MALUS AMPHEX). Juga dari segi diplomatik Malaysia dan China sepakat dengan Artikel 58 UNCLOS tidak benar aktiviti ketenteraan

dan perisikan dijalankan di lautan antarabangsa meskipun bertentangan kecenderungan AS.

Beberapa langkah terkini TLDM bakal perkukuh peranan ketenteraan dan juga secara tidak langsung, peranan diplomatik TLDM. Antaranya Panglima TLDM Lakamana Datuk Seri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin umum pelaksanaan Program Transformasi 15-to-5 Armada TLDM di mana 15 kelas kapal sedia ada disusun semula menjadi lima kelas babitkan kapal selam, kapal tempur pesisir pantai (LCS), Kapal ronda generasi baharu (NGPV), kapal tugas khas pesisir pantai (LMS), dan kapal sokongan pelbagai peranan (MRSS). Pengoperasian 15 jenis kapal dari tujuh negara berbeza iaitu United Kingdom (UK), Jerman, Itali, Perancis, Sweden, Korea Selatan, dan Malaysia pada waktu ini cukup membebaskan dari segi kewangan.

Penjimatan daripada pengurangan kos urus dan selenggara ini bakal membolehkan peruntukan diagih kepada pembinaan aset TLDM oleh syarikat tempatan sepenuhnya.